

## Siti Şafiyah 'Umm al-Mu'minīn

### Raḍiya Allāhu 'Anhā

Tahun yang keenam *hijriyyah* telah tamat dengan suka dukanya. Di dalam tahun yang berperistiwa ini beberapa perkara yang menimbulkan keributan di rumah tangga Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* telah berlaku. Di dalam tahun inilah baginda telah beristerikan Siti Juwayriyyah, dan di dalamnya juga Siti 'Ā'ishah, isteri yang sangat-sangat dikasihi oleh baginda sesudah Siti Khadijah, telah dituduh orang dengan tuduhan yang memburukkan nama baiknya.

Setelah timbul bulan Muharam tahun yang ketujuh *hijriyyah*, maka kedatangan baginda bersiap hendak menempuh suatu peperangan yang menghancurkan leburkan kaum Yahudi yang telah belot dalam peperangan Khandak dahulu dan sedang merancang suatu pakatan jahat yang akan membahayakan keselamatan Islam dan umat Islam.

Dalam pertengahan bulan Muharram, berangkatlah Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa ālihi wa sallam* memimpin tentera Islam menuju ke daerah "Khaybar" – kubu kaum Yahudi, yang terletak tidak jauh dari bandar Madinah. Setelah Baginda tiba dipinggir daerah itu, berserulah baginda:

"*Allāhu 'Akbar!* Binasalah Khaybar. Kami apabila mendatangi daerah sesuatu kaum, maka celakalah padahnya hari itu bagi mereka."

Khaybar telah binasa.

Kubu-kubunya telah diduduki lepas satu-satu kaum lelakinya telah dibunuh dan perempuannya telah ditawan di antara perempuan-perempuan Yahudi yang telah ditawan itu ialah Şafiyah binti Ḥuyayy bin 'Akḥṭab, perempuan utama dari suku Yahudi Banī al-Naḍir, yang bertali susur galurnya dengan Nabī Harun – saudara Nabī Musa *'alayhumā al-salām*.

Şafiyah belum pun melampaui umur tujuh belas tahun. Meskipun begitu, ia telah berkahwin dua kali. Kali yang pertama dengan "Salām ibn Mishkam" salah seorang pahlawan dari kaumnya, dan kali yang kedua dengan "Kenānah ibn al-Rabi'" pahlawan yang bertahan di kubu "al-Qamūs" sekebal-kebal kubu kaum Yahudi di Khaybar.

Setelah bertempur dengan dahsyatnya, tentera Islam telah berjaya merempuh kubu Yahudi itu lalu menawan

Kenānah dan membawanya hidup-hidup kepada Rasulullah (SAW).

Kenānah telah diketahui oleh Nabī menyembunyikan harta benda kaum Yahudi yang berharga, tetapi manakala ditanya oleh Baginda, ia telah menafikan yang dia ada tahu manahu tentang harta benda itu.

“Bagaimana kalau kita dapati dia dalam simpanan mu? Kamu akan dihukum bunuh!” Tanya baginda.

“Baiklah!” Jawab Kenānah.

Apabila dicari, akhirnya didapati terpendam di dalam kubunya. Baginda pun memerintahkan Muḥammad ibn Maslamah membunuh Kenānah, sebagai membela kematian saudaranya “Maḥmud bin Maslamah” yang telah dibunuh oleh kaum Yahudi dalam pertempuran itu.

\* \* \*

Di Khaybar juga baginda telah menempuh suatu ujian yang berbahaya. Seorang perempuan Yahudi telah menghadiahkan seekor kambing panggang yang beracun kepada baginda. Salah seorang sahabat Nabī – Bishr bin al-Barā’ – telah mati setelah makan daging itu, tetapi baginda sendiri telah terselamat kerana sebaik-baik sahaja baginda menjamah sedikit lalu menguyah dan sebelum melannya mengetahui baginda bahawa daging itu beracun. Baginda pun menyatakan kepada hadirin:

“Tulang ini memberitahu kepada aku bahawa dia beracun.”

Lalu diperintahkan supaya perempuan Yahudi yang menghadiahkan daging kambing itu dibawa ke hadapan baginda. Perempuan Yahudi itu mengaku setelah disoal oleh baginda, bahawa dia sengaja membubuh racun kerana hendak menuntut bela kaumnya yang telah terbunuh.

“Saya bubuh racun itu sambil berkata di dalam hati: Kalau dia (Nabī Muḥammad) betul seorang Nabī tentulah dia akan diwahyukan (dan dengan itu akan terselamatlah ia), kalau tidak, dia akan mati dan puaslah hatiku.” Kata perempuan Yahudi itu lagi.

(Sebahagian besar ahli sejarah Islam mengatakan Nabī telah memaafkan perempuan Yahudi yang kejam itu, dan setengahnya yang lain mengatakan ia telah dibunuh kerana kesalahannya menyebabkan “Bishr” – sahabat Nabī – mati kerana racunnya – P. Q. ).

Kembailah Rasulullah ke Madinah dengan kemenangan yang cemerlang, dan Safiyah perempuan yang pilihan dari kaum Yahudi itu, kemudiannya telah diperisterikan oleh baginda dan ditumpangkan bagi sementara di rumah sahabat baginda, Hārithah ibn al-Nu‘mān.

Setelah berita itu terhebah di Madinah, perempuan-perempuan dari kaum ‘Anṣār pun datanglah beramai-ramai ke rumah itu hendak melihat isteri Nabī yang baharu.

Baginda telah terpendang dari jauh akan Siti ‘Ā’ishah dengan bersembunyi-sembunyi datang hendak melihat juga. Baginda pun menunggu dan setelah Siti ‘Ā’ishah keluar dari situ, lalu baginda menarik bajunya sambil bertanya dengan ketawa:

“Bagaimana pandanganmu kepadanya?”

Dengan mengeyuk<sup>1</sup>, Siti ‘Ā’ishah yang meluap-luap rasa cemburunya mengangkat bahu lalu menjawab:

“Saya lihat seorang perempuan Yahudi!”

“Jangan kamu berkata begitu”, ujar baginda, dia telah memeluk Islam dengan sempurna.”

---

<sup>1</sup> mengejek

Siti ‘Ā’ishah tidak berkata-kata sepetah pun, lalu ia balik ke rumahnya, dan di sana Siti Ḥafṣah sedang menunggunya kerana hendak mendengar akan berita yang dibawanya.

Siti ‘Ā’ishah telah mengaku, ketika menceritakan pandangannya kepada Siti Ḥafṣah, bahawa Ṣafiyyah sebenar-benarnya cantik orangnya.

#### **Ayahku Harun dan Mamandaku Musa**

Tidak berapa antaranya, berpindahlah Siti Ṣafiyyah ke rumah Rasulullah dan di sana ia telah berhadapan dengan suatu perkara yang rumit: Isteri-isteri Nabī sedang berpecah dua. Siti ‘Ā’ishah dengan disertai oleh Siti Ḥafṣah dan Siti “Saudah” berada di satu pihak, manakala isteri-isteri Nabī yang lain berada di satu pihak pula, dengan disertai oleh Siti Fāṭimah al-Zahrā’ – puteri Rasulullah.

Hal yang demikian menghendaki Siti Ṣafiyyah memilih, ke pihak mana ia hendak menyatukan diri? Perkara ini sungguh rumit. Kerana ia tidak suka bertentang dengan isteri yang sangat-sangat dikasihi oleh Nabī: (Siti ‘Ā’ishah), dan tidak pula hendak bertentang dengan puteri Rasulullah (Siti Fāṭimah) yang sangat-sangat disayangi oleh baginda.

Ia telah mengambil kesimpulan hendak berbaik-baik dengan kedua-dua belah pihak kerana itulah jalan yang lebih selamat.

Tidak syak lagi sikap Siti Ṣafiyyah yang demikian, ialah kerana hendak mengelak daripada dikata dan diejek tentang susur galurnya yang berasal daripada darah Yahudi itu.

Tidak ada suatu perkara yang hendak dibimbangkan olehnya dari pihak Siti Fāṭimah al-Zahrā’ yang terkenal suka damai dan tenteram itu. Siti Fāṭimah memang tidak suka menceburkan diri di dalam kekacauan yang riuh-rendah. Yang lazimnya ditimbulkan oleh kaum perempuan, kecuali kalau dia terpaksa dan tidak dapat mengelak lagi.

Tetapi perkara yang sangat-sangat ditakutinya ialah pihak Siti ‘Ā’ishah yang sangat-sangat kuat cemburunya, dan yang terkenal sangat-sangat benci kepada tiap-tiap seorang isteri Nabī yang agak berupa cantik, yang mempunyai hak yang sama di rumah tangga Rasulullah (SAW).

Siti Ṣafiyyah, walaupun ia cuba berbaik-baik dengan kedua pihak, tetapi ia tidak juga terlepas daripada kata-kata yang menyakitkan hatinya, yang dilemparkan kepadanya oleh madu-madunya, baik pun secara terang atau pun secara sindiran. Ia diejek tentang darah Yahudi yang mengalir dalam tubuhnya.

Yang sangat menyakitkan hatinya ialah Siti ‘Ā’ishah dan Siti Ḥafṣah, walaupun dia telah berpihak kepada keduanya, tetapi keduanya kelihatan menyertai isteri-isteri Nabī yang lain untuk menyakitkan hatinya, dan membanggakan diri bahawa mereka ialah titisan darah Quraish atau titisan Arab jati, sedang dia dipandang sebagai orang asing.

Siti Ṣafiyyah telah sampai kepengetahuannya kata-kata yang pedih dari pihak Siti ‘Ā’ishah dan Siti Ḥafṣah, dan tatkala ia mengadukan perkara itu kepada Rasul Allah (SAW), maka baginda pun berkata kepadanya:

“Alangkah baiknya kalau engkau jawab: Bagaimana kamu berdua boleh menjadi lebih baik daripadaku, sedang

suamiku: Nabī Muḥammad, ayahku Nabī Harun, dan

memandaku: Nabī Musa?”

Kata-kata Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* yang

demikian telah menyejukkan hati Siti Ṣafiyyah, dan

menjadikan dia terasa telah dibela.

Baginda pun terasa kedudukan Siti Ṣafiyyah

di rumah tangganya dipandang oleh madu-madunya sebagai seorang

dagang, dan kerana itu baginda sentiasa membelanya apabila

ada kesempatan.

Menurut satu riwayat, pada suatu hari Nabī

keluar belayar membawa Siti Ṣafiyyah dan Siti

Zaynab binti Jahsh bersama. Tiba-tiba unta kenderaan Siti

Ṣafiyyah jatuh sakit, sedang Siti Zainab ada mempunyai

beberapa ekor unta tambahan. Baginda pun meminta Siti

Zaynab memberikan seekor unta kepada Siti Ṣafiyyah.

Mendengarkan itu, Siti Zaynab berkata:

“Saya disuruh beri kepada perempuan Yahudi itu?”

Amatlah murkanya baginda mendengar jawapan Siti Zainab yang demikian, lalu baginda memulaukannya dua bulan.

Pendeknya Siti Ṣafiyyah tidak putus-putus mendapat pembelaan Rasulullah (SAW) sehingga akhir hayat baginda.

Tatkala baginda hampir wafat dan sekalian isteri-isteri baginda sedang berhimpun di sisinya, tiba-tiba Siti

Ṣafiyyah berkata:

“Ya Nabī Allah, demi Allah! Sukalah saya kiranya penyakit yang sedang ditanggung oleh tuan, dapat saya menggantikan tuan menanggungnya.”

Mendengarkan itu, isteri-isteri Nabī yang lain kelihatan

bermain mata sebagai mengejek Siti Ṣafiyyah. Hal

mereka diperhatikan oleh Nabī, lalu baginda menegur mereka:

“Masih kamu mengejek lagi!”

Dengan hairan mereka bertanya:

“”Apa yang kami sudah buat?”

“”Tidakkah kamu bermain mata mengejeknya?”

Sahut Rasulullah, kemudian baginda berkata lagi:

“Demi Allah! Ṣafiyyah benar orangnya, tentang apa yang dikatakannya tadi.”

Wafatlah Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* dan

dengan itu hilanglah pembela yang sentiasa membela Siti

Ṣafiyyah. Orang ramai tidak lupa bahawa ia berasal dari

titisan darah Yahudi, dan ada di antara mereka yang tidak

berhenti-henti daripada mengejek dan menggunakan celah itu

untuk mencacinya, sekalipun ia telah Islam dan telah

menjadi isteri Nabī – ‘Umm al-Mu’minīn.

Menurut satu riwayat, pada suatu hari seorang

hamba perempuan kepunyaan Siti Ṣafiyyah pergi mengadu

kepada ‘Amīr al-Mu’minīn Sayyidinā ‘Umar ibn al-Khaṭṭab, katanya:

“Ya ‘Āmīr al-Mu’minīn, Siti Ṣafiyyah suka (membesarkan) hari Sabtu dan suka berhubung dengan orang-orang Yahudi.”

Sayyidinā ‘Umar pun menghantarkan orang-orangnya bertanyakan perkara itu kepada Siti Ṣafiyyah, ia pun menerangkan:

“Tentang hari Sabtu, sebenarnya saya tidak membesarkan dia sesudah Allah ‘azza wa jalla menggantikan untuk

saya hari Jumaat. Tentang perhubungan saya dengan orang-orang Yahudi pula, maka saya ada kaum kerabat dalam kalangan mereka, dan kerana itu saya hubungkanlah tali *silat al-rahmi* itu!”

Siti Şafiyah pun berpaling kepada hamba perempuannya itu dan bertanya kepadanya mengapa dia tergamak membuat dusta seperti itu?

“Saya telah dihasut oleh syaitan” Jawab hamba perempuan itu.

Kalau begitu, pergilah ke mana-mana yang engkau suka, aku sudah memerdekakan engkau.” Kata Siti Şafiyah lagi.

Siti Şafiyah tidak dapat mengelak daripada mengambil bahagian di dalam lapangan siyāsah, iaitu ketika berbangkit pertentangan di antara Siti ‘Ā’ishah dengan Saydina ‘Uthmān - khalifah Islam yang ketiga. Sungguhpun Siti Şafiyah bercermat tidak mahu bertentang dengan Siti ‘Ā’ishah yang sangat kuat pengaruhnya dalam lapangan siyāsah pada masa itu, tetapi ia juga tetap menunjukkan setianya kepada ‘Amīr al-Mu‘minīn Saydina ‘Uthmān - raḍiya Allāhu‘anhu.

Tatkala Sayyidinā ‘Uthmān dikepung oleh pemberontak, Siti Şafiyah selalu kedapatan dengan secara bersembunyi pergi membawa makanan dan air kepadanya.

\* \* \*

Siti Şafiyah ‘Umm al-Mu‘minīn *raḍiya Allāhu‘anha*, telah wafat pada kira-kira tahun yang kelima puluh *hijriyyah*.

Ia telah meninggalkan namanya termaktub di dalam kitab-kitab Ḥadīth. Di antara orang-orang yang meriwayatkan Ḥadīth daripadanya ialah: anak saudaranya – Kenānah, Yazīd bin

Mu‘tab, Zayn al-‘Ābidīn ‘Alī ibn al-Ḥassan, dan Muslim ibn Şafwān - *raḍiya Allāhu‘anhum*.

(Dari buku “Isteri-Isteri Nabī” yang telah dipersesuaikan oleh ‘Umm Muḥsin, dari buah Qalam Doktor Bint al-Shāṭi’, dan diterbitkan oleh Qalam baharu-baharu ini - P. Q. )

Sudah Terbit!	Bacalah!
<b>Buku-Buku Shuhada’</b>	
<b>Disusun oleh:</b>	
<b>Edrus</b>	
1. Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib	50 sen
2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam	50 ”
3. ‘Ikrimah ibn ‘Abu Jahl	50 ”
4. Sa‘ad ibn Rabi‘	50 ”
5. Sa‘ad ibn Mu‘āz	50 ”
6. Nu‘mān ibn Muqarrin	50 ”
7. Ja‘afār ibn ‘Abī Ṭālib	50 ”
8. Anak ‘Abdullāh ibn ‘Abī	50 ”
9. Anak angkat Rasulullah	50 ”
10. ‘Abū Hudhayfah ibn ‘Utbah	50 ”
<b>Lain-lain buku tarikh</b>	
Sejarah ringkas Muḥammad (SAW) (Oleh Edrus)	\$1.20
Bilal – (Oleh Abdullah Basmeh)	\$1.20
Muḥammad (SAW) (Oleh Abdullah Basmeh) Empat penggal	
Sepenggal	\$1.20
<b>Pesanlah kepada penerbitnya:</b>	